

14/02/1998

Tujuh di Wilayah Persekutuan kekal jawatan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Tujuh daripada 11 Ketua Bahagian Umno Wilayah Persekutuan dijangka mengekalkan jawatan mereka tanpa bertanding dalam mesyuarat perwakilan bahagian dari 12 hingga 29 Mac ini.

Ketua bahagian yang tidak dicabar ialah Titiwangsa, Segambut, Kepong, Cheras, Bukit Bintang, Lembah Pantai dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Bahagian Titiwangsa diterajui Datuk Sulaiman Mohamed; Kassim Tadin (Segambut), Datuk Redzuan Abdul Hamid (Kepong), Mokhtar Samad (Cheras), Datuk Roslan Ali Omar (Bukit Bintang), Datuk Kamal Hussein (Lembah Pantai) dan Mulok Awang Damit (Labuan).

Setakat ini, persaingan hampir pasti berlaku di empat bahagian, iaitu Wangsa Maju, Seputeh, Bandar Tun Razak dan Batu.

Wangsa Maju diterajui Datuk Dr Kamal Salleh, Zakariah Salleh (Seputeh), Tamunif Mokhtar (Bandar Tun Razak) dan Datuk Azman Attar (Batu).

Ketua perhubungannya, Datuk Sulaiman Mohamad, berkata kedudukan tujuh ketua bahagian dijangka tidak menghadapi masalah hasil muafakat dan kompromi yang dilaksanakan di peringkat masing-masing.

Bagaimanapun, menurutnya, pertandingan mungkin tidak dapat dielakkan bagi empat bahagian.

Sementara itu, Ketua Umno Bahagian Batu, Datuk Azman Atar Othman, dijangka dicabar oleh timbalannya sendiri, Datuk Azrat Gull Amirzat Gull, dalam pemilihan peringkat bahagian itu, 28 Mac ini.

Saingan sengit juga dijangka berlaku dalam perebutan kerusi timbalan ketua bahagian yang dikosongkan oleh Azrat Gull. Setakat ini, bekas jawatankuasa bahagian, Yusof Hamid dan Ketua Cawangan Langgak Bukit, Datuk Halim Samad dikatakan akan bertanding.

Bagi kerusi naib ketua pula, penyandang sekarang, Hajadin Abdul Hamid dijangka ditentang bekas bendahari, Che Rohim Che Jusof.

Sumber berkata, keadaan Umno di situ agak gawat selepas lima pemimpin bahagian itu iaitu setiausaha, Abdul Hamid Ngah, Che Rohim Che Jusof (bendahari), Yusof Hamid (jawatankuasa), Syed Zainuddin Syed Mokhtar (jawatankuasa) dan Zakariah Md Dewa (jawatankuasa), dipecat.

Difahamkan, tiga kumpulan yang tidak puas hati dengan kepemimpinan Azman, bersatu kali ini untuk menentangnya. Pada pemilihan bahagian 1995, Azman menang 17 undi menewaskan Yusof Hamid.

Syed Zainuddin ketika dihubungi mengesahkan pihaknya akan menghantar surat kepada Azman memintanya menarik diri secara terhormat. Surat itu ditandatangani bersama 34 ketua cawangan dan lima pemimpin bahagian yang dipecat pada 6 Februari lalu. Umno Bahagian Batu mengandungi 48 cawangan.

"Kita ingin memberi peluang kepada Azman berundur secara terhormat dan menyerahkan jawatannya kepada Azrat Gull. Ini selaras dengan nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pimpinan bahagian berunding untuk mengelak pertandingan," katanya.

Menurut Syed Zainuddin, Azman tidak mempunyai pilihan kedua kerana jika dia terus bertanding, peluang untuk menang amat tipis. Selain 34 cawangan yang bersatu, pihaknya yakin banyak lagi undi akan diterima daripada perwakilan pada hari persidangan.

(END)